

**KEBERGANTUNGAN TERHADAP  
PENGUNAAN MOD PENGANGKUTAN DALAM  
KALANGAN WARGA ASING DI KOTA  
KINABALU SABAH**



**ROSHIMAH BINTI ZAKARIA**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**KEBERGANTUNGAN TERHADAP  
PENGUNAAN MOD PENGANGKUTAN DALAM  
KALANGAN WARGA ASING DI KOTA  
KINABALU SABAH**

**ROSHIMAH BINTI ZAKARIA**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **KEBERGANTUNGAN PENGGUNAAN MOD PENGANGKUTAN DALAM KALANGAN WARGA ASING DI KOTA KINABALU SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **ROSHIMAH BINTI ZAKARIA**, Sesi **2018-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

/

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




**ROSHIMAH BINTI ZAKARIA**  
**MA1811088T**

Disahkan Oleh,

 **ANITA BINTI ARSAD**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Harifah binti Mohd Noor)  
Penyelia

Tarikh : 02 MAC 2022

## PENAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis yang bertajuk Kebergantungan Terhadap Penggunaan Mod Pengangkutan dalam Kalangan Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


30 Ogos 2021



---

Roshimah Binti Zakaria

MA1811088T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **ROSHIMAH BINTI ZAKARIA**

NO . MATRIK : **MA1811088T**

TAJUK : **KEBERGANTUNGAN TERHADAP PENGGUNAAN  
MOD PENGANGKUTAN DALAM KALANGAN  
WARGA ASING DI KOTA KINABALU SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **GEOGRAFI**

TARIKH VIVA : **30 OGOS 2021**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISAHKAN OLEH**

Tandatangan

**PENYELIA**

DR. HARIFAH BINTI MOHD NOOR

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya, penyelidikan ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) terutamanya Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan kerana telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di universiti ini. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah program Geografi HA18 yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penulisan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya rakan kepada Dr. Harifah binti Mohd Noor selaku penyelia saya atas segala bimbingan, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Kerjasama beliau dalam melapangkan masa, memberikan teguran positif, nasihat serta perbincangan dalam meningkatkan kualiti tesis ini amatlah saya hargai. Sesungguhnya tanpa bantuan beliau saya sudah pasti akan berhadapan masalah dalam menyiapkan kajian ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Ribuan terima kasih juga kepada semua responden dan informan terlibat yang sudi meluangkan masa untuk membantu dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan, jutaan kalungan kasih kepada nenda Siput, ayahanda Zakaria bin Matnor, adik-beradik (Ema, Aziemah dan Amiezan), insan istimewa dan seluruh keluarga yang tidak jemu memberi nasihat, semangat dan sokongan kewangan sepanjang saya dalam pengajian ini. Tidak dilupakan juga penguat kehidupan saya ibunda Almarhumah Noor Hidayah binti Abdullah. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas jasa kamu semua.

Akhir kata saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat rakan-rakan penyelidik, rakan seperjuangan, dan rakan serumah yang tidak mengenal lelah dalam memberi sokongan, ilmu, bantuan dan berjuang bersama-sama dalam membantu saya meneruskan penyelidikan ini. Segala bantuan dan kerjasama sahabat handai yang tidak sempat dinyatakan di sini sama ada secara langsung atau tidak langsung saya dahului dengan ucapan terima kasih. Semoga hasil nukilan penyelidikan ini mampu memberi peransang dan rujukan kepada penyelidik lain di masa akan datang. Segala kebaikan dalam tesis ini adalah kurniaan Allah dan kelemahan yang ada adalah daripada diri saya sendiri.

ROSHIMAH BINTI ZAKARIA

30 Ogos 2021

## ABSTRAK

Perkembangan pengangkutan di Malaysia khususnya Kota Kinabalu semakin berkembang dari semasa ke semasa seiring dengan pertambahan jumlah warga asing yang turut menyumbang kepada sosioekonomi negara melalui penajaan perjalanan dan pertumbuhan pengangkutan awam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kadar kebergantungan warga asing dalam menggunakan mod pengangkutan di Kota Kinabalu Sabah berdasarkan faktor penggunaan mod pengangkutan dan analisis hubungan sosioekonomi. Kajian ini menggunakan kajian tinjauan soal selidik di lapangan menggunakan persampelan bertujuan dan bebola salji terhadap 150 orang responden. Teknik analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, Khi Kuasa Dua dan Kuasa Dua Pekali Phi Cramer digunakan dalam kajian ini menggunakan alat bantuan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 21. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden hanya berjalan kaki untuk melakukan perjalanan ke destinasi tertentu. Hal ini demikian kerana pemilihan mod pengangkutan responden dipengaruhi secara langsung oleh tahap ekonomi dan kewangan yang mana kebanyakan responden berpendapatan sederhana dan rendah, tidak mempunyai kemudahan pengangkutan persendirian dan tidak memiliki lesen memandu. Faktor utama dalam pemilihan penggunaan mod pengangkutan warga asing ini pula adalah berdasarkan kualiti perkhidmatan (3.63) dan sosioekonomi (3.77) untuk menentukan cara warga asing melakukan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Oleh itu, secara keseluruhannya kebanyakan responden menggunakan mod secara berjalan kaki dalam melakukan perjalanan pada setiap hari dan pengangkutan awam yang mempunyai kadar tambang yang murah bagi menjimatkan kos harian. Selain itu, analisis Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa terdapat enam elemen sosioekonomi yang menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan penggunaan mod pengangkutan yang digunakan oleh responden iaitu umur (0.003), pemilikan kenderaan (0.000), status pekerjaan (0.000), pendapatan (0.000), jantina (0.000), dan status kewarganegaraan (0.003). Melalui analisis pula Kuasa Dua Pekali Phi Cramer menunjukkan enam elemen mempunyai perkaitan hubungan yang kuat antara satu sama lain. Perkara ini menunjukkan bahawa penggunaan mod pengangkutan responden dikawal oleh elemen sosioekonomi berikut. Hasil dapatan kajian ini dapat membantu pihak berkuasa tempatan dalam membuat unjuran penggunaan pengangkutan dalam kalangan pengguna pengangkutan terutamanya pengangkutan awam bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti perkhidmatan pengangkutan yang terdapat di Kota Kinabalu pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kota Kinabalu, Warga Asing, Kebergantungan, Mod Pengangkutan, Sosioekonomi

## **ABSTRACT**

### **DEPENDENCE ON THE USE OF TRANSPORTATION MODES AMONG IMMIGRANTS IN KOTA KINABALU SABAH**

*The development of transportation in Malaysia, especially Kota Kinabalu is growing from time to time in line with the increase in the number of immigrants who also contribute to the socio-economy of the country through the generation of travel and the growth of public transport. The objective of this study is to identify the rate of dependence of immigrants in using the mode of transport in Kota Kinabalu Sabah based on the factors use of mode of transport and analysis of socio-economic relations. This study uses a survey questionnaire in the field using purposeful sampling and snowballs on 150 respondents. Descriptive analysis techniques such as frequency, percentage, mean, Chi Square and Phi Cramer Coefficient Squared were used in this study using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 21. The results showed that the majority of respondents only walk to travel to a specific destination. This is because the choice of transportation mode of the respondent is directly influenced by the level of economic and financial where most of the respondents are middle and low income, do not have own private transportation and driving license. The main factor in the selection of the use of this mode of transport for immigrants is based on the quality of services (3.63) and their socio-economy (3.77) which determines the way immigrants move from one place to another. Therefore, most respondents use the walking mode in traveling on a daily basis and public transport which has cheap fares to save daily costs. In addition, Chi-Square analysis shows that there are six socioeconomic elements that show a significant relationship with the use of transportation modes used by respondents namely age (0.003), vehicle ownership (0.000), employment status (0.000), income (0.000), gender (0.000), and citizenship status (0.003). Through the analysis, the square of the Phi Cramer coefficient shows that the six elements have a strong relationship with each other. This indicates that the use of mode of transportation respondent's is controlled by the following socioeconomic elements. The findings of this study can help local authorities in projecting the use of transport among transport users, especially public transport to further improve the quality of transport services in Kota Kinabalu in the future.*

*Keywords: Kota Kinabalu, Immigrants, Dependence, Mode of Transportation, Socioeconomics*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7

1.8	Skop Kajian	8
1.9	Kawasan Kajian	9
1.10	Organisasi Kajian	10
1.11	Kesimpulan	13

## **BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi Konseptual	
	2.2.1 Mod Pengangkutan	15
	2.2.2 Pengangkutan Awam	15
	2.2.3 Sosioekonomi	16
	2.2.4 Warga Asing	16
	2.2.5 Jenis-Jenis Dokumen	18
2.3	Sejarah Ringkas Kemasukan Warga Asing	24
2.4	Kajian Lepas Penggunaan Mod Pengangkutan	
	2.4.1 Mod Pengangkutan	27
	2.4.2 Faktor Penggunaan Mod Pengangkutan	30
	2.4.3 Pengaruh Sosioekonomi dalam Penggunaan Mod Pengangkutan	33
2.5	Kajian Mengenai Warga Asing	37
2.6	Kerangka Konseptual	41
2.7	Kesimpulan	43

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Teknik Pengumpulan Data	
3.3.1	Borang Soal Selidik	47
3.3.2	Pemerhatian	58
3.3.3	Temubual	58
3.3.4	Kajian Perpustakaan	60
3.3.5	Laman Sesawang	60
3.4	Teknik Analisis dan Persembahan Data	
3.4.1	<i>Statistical Package for Social Sciences (SPSS)</i>	61
3.4.2	Microsoft Excel 2010	61
3.5	Rangka Kerja Metod Kajian dan Kerangka Kajian	62
3.6	Kesimpulan	64

### **BAB 4 : MOD PENGANGKUTAN WARGA ASING DI KOTA KINABALU SABAH**

4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Soal Selidik	
4.2.1	Latar Belakang Profil Responden	65
4.3	Mod Pengangkutan yang Digunakan oleh Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	
4.3.1	Pemilikan Kenderaan dalam Kalangan Warga Asing	68
4.3.2	Penggunaan Mod Pengangkutan	70
4.3.3	Pola Penggunaan Mod Pengangkutan	72
4.4	Kesimpulan	78

**BAB 5 : FAKTOR PENGGUNAAN MOD PENGANGKUTAN WARGA ASING DI KOTA KINABALU SABAH**

5.1	Pengenalan	79
5.2	Faktor Penggunaan Mod Pengangkutan Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	79
5.3	Faktor Dalaman	
5.3.1	Harga/ Tambang	80
5.3.2	Kualiti Perkhidmatan	82
5.3.3	Jumlah Perkhidmatan	85
5.4	Faktor Luaran	
5.4.1	Sosioekonomi	87
5.4.2	Ruangan	89
5.4.3	Kewangan	91
5.5	Tahap Skor Min Keseluruhan	92
5.6	Kesimpulan	95

**BAB 6 : HUBUNGAN SOSIOEKONOMI DALAM PENGGUNAAN MOD PENGANGKUTAN WARGA ASING DI KOTA KINABALU SABAH**


6.1	Pengenalan	96
6.2	Hubungan Sosioekonomi dalam Penggunaan Mod Pengangkutan Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	96
6.2.1	Umur	97
6.2.2	Pemilikan Kenderaan	99
6.2.3	Status Pekerjaan	101
6.2.4	Taraf Perkahwinan	103

6.2.5	Pendapatan	105
6.2.6	Jantina	107
6.2.7	Status Kewarganegaraan	109
6.3	Analisis Keseluruhan Hubungan Sosioekonomi dalam Penggunaan Mod Pengangkutan Warga Asing	111
6.4	Kesimpulan	112

## **BAB 7 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

7.1	Pengenalan	113
7.2	Rumusan Hasil Penemuan Kajian	
7.2.1	Mod Pengangkutan yang Digunakan oleh Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	114
7.2.2	Faktor Penggunaan Mod Pengangkutan Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	115
7.2.3	Hubungan Sosioekonomi dalam Penggunaan Mod Pengangkutan Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	117
7.3	Limitasi Kajian	118
7.4	Implikasi Kajian	
7.4.1	Pihak Berkepentingan	120
7.4.2	Ilmu Pengetahuan ( <i>Body of Knowledge</i> )	121
7.5	Cadangan Kajian Lanjutan	
7.5.1	Kajian Perbandingan Penggunaan Mod Pengangkutan Warga Asing dan Warga Tempatan	122
7.5.2	Kajian Terhadap Pola Pergerakan Pengangkutan dalam kalangan Warga Asing	122

7.5.3 Kajian Penggunaan Pengangkutan Paratransit dalam kalangan Warga Asing	122
7.6 Penutup	123
<b>RUJUKAN</b>	124
<b>LAMPIRAN</b>	132



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Ringkasan bahagian mengikut bab kajian	10
Jadual 2.1 : Pekerja asing dari negara sumber yang dibenarkan di Malaysia mengikut sektor yang dibenarkan	20
Jadual 2.2 : Warna i-Kad (kad akuan diri) yang diberikan kepada pekerja asing mengikut sektor	21
Jadual 2.3 : Statistik Pekerja Asing Terkini Mengikut Negeri dan Sektor sehingga 28 Februari 2018	26
Jadual 3.1 : Formula Pengiraan Saiz Sampel Cochran's (1977)	49
Jadual 3.2 : Pengiraan Saiz Sampel Kajian Pengkaji berdasarkan Formula Cochran's (1977)	49
Jadual 3.3 : Skala likert yang digunakan dalam kajian	52
Jadual 3.4 : Perubahan dalam borang soal selidik selepas kajian rintis	53
Jadual 3.5 : Tahap Kebolehpercayaan Soalan	54
Jadual 3.6 : Nilai Cronbach Alpha Keseluruhan	55
Jadual 3.7 : Nilai Cronbach Alpha Setiap Item	55
Jadual 3.8 : Intepretasi skor min	57
Jadual 3.9 : Maklumat Temubual Informan	59
Jadual 4.1 : Statistik Demografi Responden	67
Jadual 4.2 : Pemilikan lesen memandu responden	70
Jadual 4.3 : Mod Pengangkutan Responden ke Destinasi Tertentu	75
Jadual 4.4 : Jarak Responden dari Kawasan Penempatan ke Destinasi Tertentu	77
Jadual 5.1 : Item Faktor Harga/Tambang	82
Jadual 5.2 : Item Faktor Kualiti Perkhidmatan	84

Jadual 5.3 :	Item Faktor Jumlah Perkhidmatan	87
Jadual 5.4 :	Item Faktor Sosioekonomi	89
Jadual 5.5 :	Item Faktor Ruangan	90
Jadual 5.6 :	Item Kewangan	92
Jadual 5.7 :	Statistik Tahap Skor Min Keseluruhan	93
Jadual 5.8 :	Indeks Skor Min Keseluruhan	95
Jadual 6.1 :	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Pengaruh Umur terhadap Penggunaan Mod Pengangkutan	98
Jadual 6.2 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) bagi Pengaruh Umur terhadap Penggunaan Mod Pengangkutan	98
Jadual 6.3 :	Ujian Khi Kuasa bagi Pengaruh Pemilikan Kenderaan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	100
Jadual 6.4 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) bagi Pengaruh Pemilikan Kenderaan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	100
Jadual 6.5 :	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Pengaruh Status Pekerjaan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	102
Jadual 6.6 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) bagi Pengaruh Status Pekerjaan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	102
Jadual 6.7 :	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Pengaruh Taraf Perkahwinan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	104
Jadual 6.8 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) Pengaruh Taraf Perkahwinan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	104
Jadual 6.9 :	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Pengaruh Pendapatan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	106
Jadual 6.10 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) bagi Pengaruh Pendapatan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	106



Jadual 6.11 :	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Pengaruh Jantina dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	108
Jadual 6.12 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) Pengaruh Jantina dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	108
Jadual 6.13 :	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Pengaruh Status Kewarganegaraan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	110
Jadual 6.14 :	Nilai Ukuran Simetri ( <i>Symetric Measures</i> ) Pengaruh Status Kewarganegaraan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	110
Jadual 6.15 :	Nilai Khi Kuasa Dua dan Kuasa Dua Pekali Phi Cramer bagi hubungan antara Sosioekonomi dan Mod Pengangkutan	111



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Peta kedudukan bagi kawasan kajian pengkaji	9
Rajah 2.1 : Kategori Mod Pengangkutan	28
Rajah 2.2 : Faktor yang mempengaruhi penggunaan mod pengangkutan	32
Rajah 2.3 : Pengaruh Sosioekonomi dalam Penggunaan Mod Pengangkutan	36
Rajah 2.4 : Kerangka Konseptual Kajian Penggunaan Mod Pengangkutan	42
Rajah 3.1 : Saiz Sampel berdasarkan Alat Statistik G*Power	50
Rajah 3.2 : Rangka Kerja Metod Kajian	62
Rajah 3.3 : Kerangka Kajian Kebergantungan Penggunaan Mod Pengangkutan dalam Kalangan Warga Asing di Kota Kinabalu Sabah	63
Rajah 4.1 : Pemilikan Kenderaan Responden	69
Rajah 4.2 : Mod Pengangkutan Responden	71
Rajah 6.1 : Pengaruh Umur terhadap Penggunaan Mod Pengangkutan	97
Rajah 6.2 : Pengaruh Pemilikan Kenderaan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	99
Rajah 6.3 : Pengaruh Status Pekerjaan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	101
Rajah 6.4 : Pengaruh Taraf Perkahwinan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	103
Rajah 6.5 : Pengaruh Pendapatan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	105
Rajah 6.6 : Pengaruh Jantina dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	107
Rajah 6.7 : Pengaruh Status Kewarganegaraan dengan Penggunaan Mod Pengangkutan	109

## SENARAI SINGKATAN

<b>DBKK</b>	- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
<b>LPKP</b>	- Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
<b>SPSS</b>	- <i>Statistical Package For The Social Science</i>
<b>PATI</b>	- Pendatang Asing Tanpa Izin
<b>NGO</b>	- <i>Non-Governmental Organizations</i>
<b>PL(KS)</b>	- Pas Lawatan (Kerja Sementara)
<b>OSC</b>	- Pusat Kelulusan Setempat
<b>ISC</b>	- <i>Immigration Security Clearance</i>
<b>i-Kad</b>	- Kad Akuan Diri
<b>MyPR</b>	- Kad Pemastautin Tetap
<b>JPN</b>	- Jabatan Pendaftaran Negara
<b>IMM13</b>	- Kad Pendaftaran Orang Asing
<b>JKM</b>	- Jabatan Ketua Menteri
<b>PUSPAKOM</b>	- Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer
<b>NHTS</b>	- Data Suruhanjaya Perjalanan Kebangsaan
<b>IPUMS</b>	- <i>Integrated Public Use Microdata Series</i>
<b>PBT</b>	- Pihak Berkuasa Tempatan

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Senarai Penerbitan	132
Lampiran B : Borang Soal Selidik	133
Lampiran C : Gambar-gambar semasa Kajian Lapangan	137
Lampiran D : Surat Kebenaran Kajian	144



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab satu merupakan bahagian pendahuluan yang menjelaskan aspek utama yang ingin dirungkai dalam kajian ini. Penerangan pada bab ini menumpukan pengenalan terhadap kajian seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian yang menimbulkan persoalan yang membawa kepada pembinaan objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini. Bab ini turut memberi penerangan skop kajian, kawasan kajian yang hendak difokuskan dan kepentingan kajian ini dilakukan serta pada bahagian akhir bab ini menjelaskan organisasi keseluruhan tesis dan kesimpulan.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sejak zaman dahulu kala, sistem pengangkutan memainkan peranan terpenting untuk sesuatu kawasan terutamanya untuk menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar. Hal ini demikian kerana sistem pengangkutan dapat menggerakkan aktiviti sosial dan menghidupkan serta membangunkan sesebuah bandar. Menurut Bruton (1985) pengangkutan mempengaruhi lokasi dan pelbagai aktiviti produktif serta mempengaruhi kepelbagaian dan pembekalan barangan dan perkhidmatan yang tersedia untuk digunakan. Pengangkutan juga memainkan peranan yang penting dalam sektor sosioekonomi kerana ia memberi pengaruh dan kayu ukur taraf hidup penduduk. Kemudahan sistem pengangkutan yang efisien membawa kepada kepesatan sesebuah bandar.

Namun begitu, pertambahan jumlah warga asing telah memberi impak dalam perkembangan pengangkutan setiap negara. Hal ini demikian kerana warga asing yang masuk ke dalam sesebuah negara adalah majoritinya untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik dan pada masa yang sama membantu dalam pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, perancang pengangkutan haruslah memahami corak perjalanan warga asing dan implikasi terhadap dasar dan polisi yang membentuk pembangunan sistem pengangkutan.

Oleh hal yang demikian, warga asing sememangnya menghadapi cabaran dalam melakukan mobiliti apabila sampai di negara baru. Kehadiran warga asing yang kian meningkat saban tahun menunjukkan penggunaan mod pengangkutan yang pelbagai. Misalnya penggunaan mod alternatif seperti transit, berjalan kaki dan basikal oleh warga asing di Amerika Syarikat adalah lebih tinggi daripada warga tempatan (Sangwan Lee et al., 2021). Kadar pemilihan kereta pula dipengaruhi oleh pendapatan, perbelanjaan pengangkutan, kesukaran mendapatkan lesen memandu, dan penempatan kediaman warga asing yang tidak seimbang di kawasan pusat bandar (Blumenberg et al., 2007; Handy et al., 2009).

Jumlah warga asing di Malaysia setakat suku tahun kedua 2021 mencatatkan 8.2 peratus iaitu 2.69 juta orang dan Sabah mencatatkan komposisi penduduk yang kedua tertinggi secara keseluruhannya (Berita Harian, 2021). Menurut Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Sabah iaitu Zainol Jamil anggaran penduduk di Sabah pada tahun 2020 adalah 3.91 juta orang termasuk lebih sejuta penduduk bukan warganegara (Astro Awani, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa warga asing sememangnya tidak asing di Sabah terutamanya bandaraya utama seperti Kota Kinabalu. Keperluan pengangkutan adalah penting dalam melakukan mobiliti oleh setiap individu termasuklah warga asing.

Setiap penduduk tidak mempunyai latar belakang yang sama dari segi keupayaan dan ekonomi. Latar belakang sosioekonomi yang berbeza adalah antara faktor yang mempengaruhi tujuan perjalanan (Ibrahim Wahab, 1990). Faktor tersebut dan paras hak milik kenderaan juga menentukan pemilihan jenis atau mod pengangkutan untuk sesuatu perjalanan. Penduduk mempunyai

hak dalam menentukan mod pengangkutan masing-masing. Permintaan kepada pengangkutan timbul daripada keperluan manusia untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain yang mana penting untuk sesebuah masyarakat untuk berfungsi.

Kota Kinabalu merupakan salah satu bandaraya yang menyediakan pelbagai mod pengangkutan sebagai pilihan kepada penduduk untuk melakukan perjalanan seperti bas henti-henti, bas mini, *Grabcar*, kereta api dan kereta persendirian. Pada masa yang sama kebanjiran warga asing di Sabah bukanlah satu perkara yang baru terutamanya di kawasan bandar seperti Bandaraya Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Kehadiran warga asing ini sering dikaitkan dengan kesan ekonomi, sosial dan fizikal. Pada masa yang sama, ia juga memberi pengaruh yang besar kepada isu sosial yang melibatkan isu-isu pengangkutan seperti penjanaan perjalanan dan penggunaan mod pengangkutan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini memberi fokus kepada pola dan faktor penggunaan mod pengangkutan oleh warga asing di Kota Kinabalu Sabah.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Marcapada ini, sistem pengangkutan adalah sangat penting untuk setiap individu atas keperluan kehidupan seharian. Kehadiran warga asing bukan sahaja menjadi pengguna pengangkutan awam malahan memberikan perkhidmatan kepada penduduk menerusi pemilikan dan operasi mod pengangkutan berkenaan. Sabah merupakan antara negeri yang mempunyai banyak imigran. Menurut Pengarah Imigresen Sabah Musa Sulaiman hampir satu per tiga penduduk Sabah merupakan warga asing tetapi hanya 30% daripadanya masuk secara sah manakala majoriti dikelaskan sebagai pendaatang tanpa izin (Free Malaysia Today, 2018). Kota Kinabalu berada ditangga keempat selepas Kinabatangan, Tawau dan Sandakan. Sebahagian daripada mereka masuk ke Malaysia secara sah tetapi menjadi tidak sah apabila pas atau dokumen diri mereka melebihi tempoh yang ditetapkan. Antara faktor lambakan keberadaan warga asing di Sabah adakah kerana mereka masuk melalui laluan tikus dan hidup berkeluarga sehinggakan anak-anak mereka menjadi tidak

mempunyai status kewarganegaraan (*stateless*). Oleh itu, untuk meneruskan kehidupan mereka pasti melakukan pergerakan untuk bekerja kerana mereka adalah golongan yang mempunyai taraf ekonomi yang masih rendah.

Namun begitu, senario di Sabah menunjukkan bahawa pekerja asing telah menjadi elemen penting dalam pembangunan ekonomi. Pekerja-pekerja ini kebanyakannya berasal dari Indonesia, Filipina, China, India dan Pakistan (Arvin Tajari & Nurfaizlina Affendi, 2015). Penglibatan mereka dalam pembinaan, pertanian, kayu, perikanan, dan sektor tidak professional. Jesteru itu, penempatan warga asing ini adalah berbeza dan ia melibatkan penjana perjalanan serta pola yang berbeza berdasarkan mod pengangkutan yang digunakan. Kajian Chatman dan Klein (2009) di Amerika Syarikat dan Blumberg (2009) di California mendapati penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan warga asing adalah dua kali ganda berbanding penggunaan penduduk tempatan. Warga asing lebih cenderung menggunakan pengangkutan awam, berkongsi kenderaan, berjalan kaki dan menggunakan basikal terutama yang baru memulakan kehidupan di negara baru.

Walaubagaimanapun terdapat halangan dalam menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Hal ini demikian kerana sebahagian golongan warga asing tidak mempunyai dokumen diri yang sah sehingga menyebabkan mereka mempunyai limitasi dalam menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang sedia ada. Pertambahan warga asing dari semasa ke semasa sudah pasti menyumbang kepada penjana perjalanan untuk melakukan aktiviti harian mereka terutamanya untuk bekerja. Perbezaan dokumen diri yang ada pada setiap individu pendatang mempengaruhi cara pergerakan mereka kerana dokumen diri yang sah membolehkan mereka bergerak secara bebas namun bagaimana pula jika pas atau dokumen diri mereka telah tamat tempoh namun mereka masih meneruskan kehidupan di negara ini.

Sehubungan dengan itu, timbul persoalan apakah pengangkutan dan cara bergerak yang digunakan oleh golongan warga asing di Sabah terutamanya di Kota Kinabalu. Pengangkutan sudah semestinya merupakan suatu keperluan dalam kehidupan mereka bagi memudahkan pergerakan dalam meneruskan kelangsungan hidup. Oleh itu, kajian ini dijalankan kerana kajian pengangkutan yang berfokuskan terhadap warga asing masih kurang dan pengkaji ingin